

SEJARAH

JABATAN SEJARAH

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL, UNIVERSITI MALAYA

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya merupakan sebuah jabatan sejarah yang paling tua di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 1959, jabatan ini diasaskan dan seterusnya dimantapkan oleh sejarawan terkenal ketika itu seperti John Bastin, D.K. Bassett, C.M. Turnbull, Anthony J.S. Reid dan William R. Roff. Jabatan ini juga menempatkan sejarawan tempatan seperti Wang Gungwu, Jeyamalar Kathirithamby Wells, Amarjit Kaur dan Chandran Jeshurun. Pada masa kini, jabatan ini amat bertuah kerana mempunyai sejarawan terbilang negara seperti Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim dan Profesor Emeritus Dato' Wira Dr Mohd Yusoff Hashim.

Jabatan Sejarah amat berbangga menjadi sebuah pusat rujukan dalam pengajian Sejarah Malaysia. Dalam masa yang sama, jabatan ini turut menawarkan kurikulum sejarah global yang dikendalikan oleh pakar bidang dalam rantau Asia Tenggara, Asia Selatan, Asia Timur, Asia Barat, Amerika Syarikat, Eropah Barat, Rusia dan Afrika.

Seiring dengan tuntutan semasa, jabatan ini amat komited terhadap kajian masa lalu yang objektif dan tidak berat sebelah. Ahli akademik jabatan turut terlibat dalam pelbagai projek penyelidikan kolaboratif di peringkat tempatan dan antarabangsa selain menjadi penilai untuk jurnal berwasit tempatan dan antarabangsa. Tenaga pakar di jabatan juga memberi khidmat sebagai perunding dan pakar rujuk berkaitan pendidikan dan penyelidikan kepada institusi kerajaan dan swasta.

Kehadiran tenaga pakar di Jabatan sejarah menyediakan satu ruang yang kondusif kepada pelajar untuk mendalami pelbagai ilmu sejarah. Pelajar diajar untuk menghargai bukti sejarah, menganalisis dan menginterpretasi sumber primer dan sekunder secara kreatif dan kritis. Selain itu, pelajar juga berpeluang menyertai program pertukaran pelajar dengan universiti di rantau Asia. Manfaat ini diperluas melalui perkongsian bijak antara Jabatan Sejarah dengan beberapa organisasi di dalam dan di luar negara seperti Persatuan Sejarah Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Muzium Selangor, Muzium Terengganu, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Universitas Hassanudin, Universitas Andalas, Universitas Airlangga, Universiti Brunei Darussalam, Geahon University, Chonnam National University (Korea) dan École Française d'Extrême-Orient (EFEO). Dengan pendedahan yang sangat luas semasa pelajar menuntut di jabatan ini maka pelajar mempunyai prospek kerjaya yang memuaskan dalam bidang perkhidmatan awam, diplomatik, perbankan, pendidikan dan korporat.

Sebagai sebuah jabatan yang terbesar di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan untuk tenaga akademik dan pelajar. Kemudahan ini termasuk sebuah bilik sumber yang mempunyai koleksi buku, jurnal tempatan dan antarabangsa dan kajian ilmiah (sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah), khidmat mesin pembacaan mikrofilem dan *microfiche*, bilik seminar dan bilik perbincangan.



PERKEMBANGAN JABATAN

HALA TUJU JABATAN SEJARAH 2016



Strategi Jangka Pendek

- Mengadakan *roadshow* ke sekolah-sekolah yang menawarkan pengajian Tingkatan 6 terutamanya di Lembah Klang.
- Seminar Sejarah STPM di peringkat Jabatan Sejarah, negeri dan sekolah.
- Menaiktaraf dan mengemaskini laman sesawang Jabatan Sejarah.
- Lawatan pelajar Tingkatan 5 dan 6 ke Jabatan Sejarah.
- Haluaniswaw-Menyediakan *questionnaire* untuk pelajar Tahun Pertama bagi mendapat maklum balas tentang motivasi mereka menerima tawaran UM.
- Aktiviti Ulasan Buku/Artikel-Aktiviti ilmiah melibatkan para pensyarah Jabatan Sejarah dengan pelajar-pelajar Ijazah Tinggi jabatan.
- Aktiviti Wacana Ilmiah-Aktiviti ini melibatkan pembentangan dan perbincangan topik-topik khusus setiap bulan mulai Oktober 2015.
- Nostalgia-Aktiviti ini diadakan setiap dua bulan yang melibatkan perkongsian pengalaman dengan bekas kakitangan akademik Jabatan Sejarah.
- Buletin Jabatan Sejarah- Buletin ini bertujuan mempromosi Jabatan Sejarah dengan menggunakan tema-tema tertentu.
- Kerjasama dengan Arkib Negara Malaysia-Kerjasama ini dirancang diadakan sebagai aktiviti tahunan yang melibatkan program membawa pelajar-pelajar jabatan ke Arkib dan menjemput pegawai-pegawai Arkib ke jabatan.
- Perunding kepada kerajaan dan pihak lain.

Strategi Jangka Sederhana

- Persidangan Kebangsaan dan Antarabangsa Sejarah Malaysia.
- Jalanan dengan Jabatan/Unit/Program di peringkat kebangsaan.
- Jalanan dengan Jabatan Sejarah di peringkat serantau.
- Menubuhkan Unit Sejarah Lisan/Arkib Jabatan Sejarah.

Strategi Jangka Panjang

- Pelantikan Staf Akademik - Perancangan yang sangat penting bagi memastikan adanya generasi pelapis di jabatan. Perancangan ini melibatkan tempoh 10 tahun akan datang.
- Keperluan staf Jabatan Sejarah yang berkhidmat di luar kembali menyumbang tenaga di jabatan.

KEAHLIAN JABATAN

Ketua Jabatan

Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Profesor Emeritus

Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Dato' Wira Dr. Mohd Yusoff Hashim, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Profesor

Profesor Dr. Danny Wong Tze-Ken, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Shakila Parween Yacob, B.A (Malaya), M.A (Western Michigan), Ph.D (Reading)
Prof. Madya Dr. Joseph Milton Fernando, B.A. (Hull), Ph.D (London)
Prof. Madya Dr. Hamidin Abdul Hamid, B.A (Malaya), M.A (London), Ph.D (London)
Prof. Madya Dr. Zulkanain Abdul Rahman, B.A (Malaya), M.A (Leeds), Ph.D (East Anglia)

Pensyarah Kanan

Dr. Arba'iyah Mohd Noor, B.A (UIA), M.A (Lancaster), Ph.D (Malaya)
Dr. Mohd Supian Sabtu, B.A (Gajah Mada), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Dr. Ho Hui Ling, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Dr. Mardiana Nordin, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Dr. Azharudin Mohamed Dali, B.A (Malaya), M.A (London), Ph.D (London)
Dr. Abu Hanifah Haris, B.Ed (UPSI), Ph.D (Malaya)

Pensyarah Kanan (Kontrak)

Dr. Hasanudin Daud, B.A (IAIN), M.A (Malaya) Ph.D (Malaya)
Dr. Noraini Mohamed Hassan, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Pensyarah

Dr. Azhar Mad Aros, B.A (Malaya), M.A (Nihon), Ph.D (Malaya)
Puan Salina Zainol, B.A (Malaya), M.A (Malaya)

Felo Penyelidik Kanan (Pelawat)

Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

AKTIVITI AKADEMIK


WACANA ILMIAH

Wacana Ilmiah Siri 1/2015

“Pemilihan Tajuk Kajian dan Pengungkapan Suatu Tesis” oleh Prof. Emeritus Dr. Ahmat Adam pada 16 Oktober 2015, DKB, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM.

Wacana Ilmiah Siri 2/2015

“Kepentingan Literature Review dalam Penulisan Akademik” oleh YBhg. Prof. Dato’ Dr Azizan Abu Samah pada 10 Disember 2015, DKB, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM.



WACANA ILMIAH

Pemilihan Tajuk Kajian dan Pengungkapan Suatu Tesis


Profesor Emeritus Dr. Ahmat Adam

Tarikh
16 Oktober 2015 (Jumaat)

Masa
9.00 -11.30 Pagi

Tempat
Dewan Kuliah B
Fakulti Sastera & Sains Sosial
Universiti Malaya

WACANA ILMIAH 1/2015



WACANA ILMIAH

Tarikh
10 Disember 2015
(Khamis)

Masa
9.30 -11.30 Pagi

Tempat
Dewan Kuliah B
Fakulti Sastera & Sains Sosial
Universiti Malaya

Kepentingan Literature Review dalam Penulisan Akademik

YBhg. Profesor Dato' Dr. Azizan bin Hj Abu Samah

WACANA ILMIAH 1/2015

Pemilihan Tajuk Kajian dan Pengungkapan Suatu Tesis



AKTIVITI AKADEMIK

MENUJU KE MENARA GADING

Memperkenalkan Jabatan Sejarah kepada pelajar Tingkatan 6 di sekitar Lembah Klang, 31.10.2015



PENULISAN

- ❖ **Ummadevi Suppiah and Sivachandralingam Sundara Raja**, *The Chettiar Role in Malaysia's Economic History*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 2016 (forthcoming).
- ❖ **Yacob, Shakila**, 2015. *Malaysia. A Matter of Risk: Insurance in Malaysia, 1826-1900* (Book Review) By Lee Kam Hing Singapore: NUS Press, 2012. *Journal of Southeast Asian Studies*, 46, pp. 153-155. (ISI-Cited Publication)
- ❖ **Joseph M. Fernando**, "Special Rights in the Malaysian Constitution and the Framers' Dilemma, 1956-57", *Journal of Imperial and Commonwealth History*, Vol.43, No.3, 2015, pp.535-556. (ISI-Cited Publication)

KAJIAN

- **Prof. Madya Dr. Joseph Milton Fernando**, Decolonisation and Constitution-Making in the Commonwealth, Principal Investigator (PI), 2015-2016, Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG)
- **Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja**, Economic Dimension - Strengthening Trade And Investment Cooperation, Co-Researcher, Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG Programme) - SBS (Equitable Society), 9/06/2016.

PELANTIKAN



Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali dilantik sebagai Felo Penyelidik Kanan (Pelawat) di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya dari 8 Disember 2015- 7 Disember 2016.

AKTIVITI AKADEMIK

SEMINAR

- ❖ **Seminar Jabatan Sejarah**
“Pendidikan sebagai Alat Propaganda: Pengalaman Indonesia di bawah Demokrasi Terpimpin Sukarno” oleh En. Sahul Hamid bin Mohamad Maidin (Pensyarah, Jabatan Sejarah UPSI) pada 18 Mac 2016, Bilik Sumber Jabatan Sejarah, jam 3.00 petang.
- ❖ **Seminar Ulasan Buku**
“Marleen Dieleman, Juliette Koning & Peter Post (ed.), *Chinese Indonesians and Regime Change*, Leiden: Brill, 2011” oleh Dr. Chong Wu Ling (Pensyarah Kanan, Jabatan pengajian Asia Tenggara, UM) pada 25 Mac 2016, DKB, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM.

PERUNDING

- ❑ **Prof. Madya Dr. Shakila Parween Yacob** menjadi perunding 10th International Technology Education And Development Conference, 2016.
- ❑ **Prof. Madya Dr. Joseph Milton Fernando** menjadi perunding Southeast Asia Regional Exchange Programme (SEASREP) 2015-2016.
- ❑ **Dr. Mohd Supian Sabtu** menjadi perunding Heat Sink Capability of Inland Water for Thermal Power Plants in Peninsular Malaysia, Tenaga National Berhad, 2015-2016.

ANUGERAH



Prof. Madya Dr. Shakila Parween Yacob menerima Fulbright Visiting Scholar Award (Oct 2015-July 2016), Council of International Exchange of Scholars (CIES) dan sedang mengikuti cuti sabbatical di University of Maryland, U.S.A.

LAWATAN KE SEKOLAH



*Lawatan ke Sekolah Menengah Tinggi Setapak
3.11.2015*



AKTIVITI AKADEMIK

SARJANA MUDA

- ❖ Pertemuan pelajar jabatan bersama Ketua Jabatan Sejarah pada 11 Mac 2016, di DKB, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM, 9.00 pagi-12.00 tengahari.
- ❖ Lawatan Sambil Belajar ke Arkib Negara pada 27 November 2015.
- ❖ Anugerah Pingat Emas Persatuan Sejarah Malaysia Sesi 2014 pada 5 Disember 2015 di Wisma Sejarah, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur – Pemenang dari Jabatan Sejarah, UM adalah Saudari Ida Shahira binti Md Nadzir.

*Anugerah Pingat Emas
Persatuan Sejarah. 5.12.2015*



SARJANA SASTERA

❑ Pembentangan *Proposal Ijazah Tinggi*

Mohamad Khairul Anuar bin Mohd Rosli (AHA130042), "Pengurusan Bekalan Elektrik di Semenanjung Malaysia, 1949-1990" di bawah penyeliaan Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus pada 19 Februari 2016, 9.00 pagi di Bilik Sumber, Jabatan Sejarah.

❑ Pembentangan *Candidature Defence Ijazah Tinggi*

Fatma binti Fauzi (AGD110004), "Sejarah Hubungan Politik dan Ekonomi Malaysia-Indonesia (1957-1970)" di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Shakila Parween Yacob pada 19 Januari 2016, 9.00 pagi di Bilik Sumber, Jabatan Sejarah.

❑ Pembentangan Seminar Akhir Ijazah Tinggi

Norizan binti Kadir (AHA120027), "Tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam Hubungan Filipina-Malaysia, 1962-1998" di bawah penyeliaan Prof. Dr. Danny Wong Tze-Ken pada 10 Mac 2016, 9.00 pagi di Bilik Sumber, Jabatan Sejarah.



AKTIVITI BUKAN AKADEMIK

PERSATUAN SEJARAH

- ❖ Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Sejarah Universiti Malaya pada 20 November 2015, DKE, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM.
- ❖ *Family Day* Jabatan Sejarah, 12 Mac 2016, DKA, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM.
- ❖ Kelas Media “Edit Photoshop” pada 26 Mac 2016, Bilik Seminar 1, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM.

ANUGERAH



Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dikurniakan Darjah Kebesaran Negeri Kedah Darul Aman AHLI MAHKOTA KEDAH (A.M.K.) pada 21 Januari 2016 di Balai Penghadapan, Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah

Family Day Sejarah 12.3.2016



DILEMA PENJENAMAAN ISTILAH SEJARAH

Oleh: Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus

Hakikat kepentingan sejarah sama ada dalam pembinaan negara mahupun sebagai penyubur jati diri bangsa, sememangnya diakui ramai pihak. Walau bagaimanapun, paradoksnya tidak semua pihak merasa selesa dengan penggunaan istilah sejarah kerana kluatir ia menjejaskan reputasi atau kurang trending. Sebagai contoh, baru-baru ini terdapat sebuah IPTA yang sedang merancang menubuhkan Jabatan Sejarah memandangkan disiplin ini dilihat amat penting dari sudut peranannya dalam proses pembinaan negara. Namun begitu, sehingga hari ini perancangan tersebut belum dapat direalisasikan kerana kata putus yang tidak dicapai mengenai penggunaan nama sejarah pada jabatan yang hendak ditubuhkan itu. Penggunaan jenama sejarah dikatakan tidak sesuai kerana dikluatiri menjejaskan reputasinya sebagai universiti yang berteraskan pengurusan, perakaunan dan perniagaan.

Isunya disini, adakah benar penggunaan nama sejarah pada sesebuah jabatan atau program akademik boleh menjejaskan daya tarik atau imej sesebuah universiti? Apa yang pasti, di universiti-universiti terkenal dunia, seperti Harvard, Cambridge dan Oxford, penggunaan nama sejarah pada jabatan berkenaan dilihat masih dikekalkan sehingga hari ini. Senario seumpama ini menunjukkan di universiti-universiti bertaraf dunia, penggunaan istilah sejarah tidak dipandang sebagai elemen yang menjejaskan. Satu kemungkinan mengapa penjenamaan istilah sejarah dipandang begitu negatif ialah kerana kegagalan sesetengah pihak untuk memahami bidang sejarah sebagai satu disiplin ilmu.

Ramai pihak masih menganggap bahawa disiplin sejarah adalah suatu bidang yang tidak melihat ke hadapan. Ia secara langsung memberi makna bahawa cakupan ilmu sejarah hanya sekadar mengkaji peristiwa lampau tanpa sebarang sumbangan terhadap perkembangan dan kemajuan semasa. Tanggapan sebegini antara lain menjadi faktor mengapa graduan sejarah kurang diterima dalam pasaran pekerjaan semasa. Perkaitan ini, secara langsung merupakan penyebab kepada penolakan penggunaan jenama sejarah pada program akademik masa kini.

Sebagai langkah menghadapi pandangan serta kritikan negatif terhadap bidang sejarah, para sejarawan seharusnya lebih agresif membuat penampilan melalui pelbagai media, memberi penjelasan mengenai keupayaan disiplin sejarah dalam menghuraikan pelbagai isu dan permasalahan semasa. Sewajarnya, penampilan di media seumpama itu, perlu dipimpin para sejarawan dan bukannya sebarang ahli akademik. Ini disebabkan, sejak mutakhir ini, terdapat suara-suara yang berpandangan bahawa perbincangan isu sejarah boleh diperkatakan oleh sesiapa sahaja. Tidak dinafikan bahawa pandangan terhadap sejarah sememangnya menjadi hak semua pihak. Namun begitu, isunya disini, adakah pandangan itu dapat diterima sebagai penjelasan yang bertanggungjawab atau berwibawa? Perbincangan sejarah tanpa bersandarkan sumber dan kajian yang sahih, ketika tertentu tidak menguraikan isu yang diperkatakan; malah, boleh menggamit kontroversi yang lebih besar.

Pada dimensi yang lain, pihak awam juga sering menganggap bahawa setiap permasalahan sejarah perlu ada jawapannya dan sejarawan dituntut menyatakan pandangan mereka. Apa yang gagal difahami oleh mereka yang berada di luar disiplin ini ialah, kekangan yang dihadapi oleh seseorang ahli sejarah. Kekangan itu berpunca daripada pelbagai sudut seperti kekurangan sumber, darjah kesensitifan sesuatu isu, kos penyelidikan yang tinggi, serta terdapatnya dokumen-dokumen sulit yang tidak dapat diakses oleh seseorang ahli sejarah. Dengan lain perkataan, imej negatif yang kadangkala dilemparkan kepada ahli sejarah, secara langsung turut bertanggungjawab menyebabkan disiplin ini dipandang kurang bermakna dan pada masa dan ruang tertentu menyebabkan seorang graduan sejarah merasa malu mengakui bahawa dia adalah seorang lulusan sejarah.





PROF. EMERITUS TAN SRI DR. KHOO KAY KIM

Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim dilahirkan pada 28 Mac 1937 di Kampar, Perak. Beliau merupakan anak sulung daripada tiga adik-beradik. Pada Oktober 1956, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya, Singapura. Beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda oleh Universiti Malaya, Singapura (1960) dan Ijazah Sarjana (1967) serta Ijazah Kedoktoran (1974) oleh Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kerjaya Tan Sri bermula sebagai guru di Anglo-Chinese Secondary School, Teluk Intan, Perak pada tahun 1960-an sebelum menjadi sebahagian daripada warga pendidik di Universiti Malaya. Beliau bermula sebagai pengajar di Jabatan Sejarah sebelum dilantik sebagai Pensyarah Sementara (1966-1967), Pensyarah (1967-1974), Profesor Madya (1974-1975), dan Profesor Sejarah Malaysia (1975-1992). Jawatan ini dipegangnya hampir 17 tahun sehinggalah persaraannya pada tahun 1992. Bagaimanapun, jawatan Profesor Sejarah tetap diberikan kepadanya selepas perkhidmatan beliau disambung dari 1992 hingga November 1998. Pada tahun 2001, Universiti Malaya menganugerahkannya Profesor Emeritus. Di samping menjadi pensyarah, beliau juga menerajui Jabatan Sejarah, Universiti Malaya sebanyak dua kali. Beliau turut dilantik sebagai Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial (1984-1986) dan Pengarah Pusat Sukan Universiti Malaya (1994-1996).

Penglibatan Tan Sri dalam dunia keserjanaan dapat dilihat melalui penghasilan penulisan beliau yang diterbitkan dalam bentuk buku, bab dalam buku, artikel jurnal (dalam dan luar negara). Antara penulisan beliau adalah *The Western Malay States: The Effects of Commercial Development on Malay Politics* (1975); *Panji-Panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu* (1979); *Taiping: Ibu Negeri Perak* (1981); *Teluk Anson (Teluk Intan): 100 Tahun* (1982); *Kenegaraan 25 Tahun: Satu Perspektif Sejarah* (1983); *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah* (1984); *His Majesty Sultan Azlan Shah* (1991) dan *The Commemoration of the 40th Anniversary of Federal Hotel, 1957-1997* (1997). Selain itu, beliau turut menjadi pembentang kertas kerja (persidangan/seminar/bengkel) di dalam dan luar negara, pemeriksa tesis, penasihat kurikulum dan penilai akademik untuk universiti tempatan dan luar negara. Di atas sumbangan beliau ini, maka selayaknyalah beliau dianugerahkan Profesor Emeritus oleh Universiti Malaya pada tahun 2001.

Tan Sri juga seorang yang meminati sukan khususnya bola sepak. Minat yang dipupuk sejak dari bangku sekolah diterjemah melalui penglibatan serius beliau dalam arena sukan negara. Beliau pernah mengambil kursus jurulatih sukan bertauliah dan pada tahun 1962, beliau diiktiraf sebagai jurulatih oleh Malaysian Amateur Athletics Union (MAAU). Antara tahun 1985 hingga 1995, Tan Sri merupakan ahli Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan, Persatuan Bola Sepak Malaysia. Pencapaian tertinggi beliau adalah menjadi anggota Jawatankuasa Kewangan Sukan Komanwel (SUKOM) yang berlangsung di Malaysia pada tahun 1998.

Berdasarkan sumbangan beliau yang begitu besar dalam dunia keserjanaan dan sukan, Sultan Perak berkenan menganugerahkan pingat J.S.M dan D.P.M.P yang membawa gelaran Dato' kepada beliau. Pada tahun 2013, Tan Sri dianugerahkan *BrandLaureate Icon*.

AKTIVITI AKAN DATANG

Persidangan Sejarah

23-24 Nov. 2016

PERSIDANGAN SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA



Perubahan, Pencapaian dan Cabaran

**23-24 November 2016 (Rabu & Khamis)
Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya**



Anjuran

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

MISI JABATAN SEJARAH

Untuk menjadi pusat terulung dalam pengajian ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat, negara dan umat manusia, dalam wawasan untuk menjadikan Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya sebagai pusat pengajian Sejarah Malaysia seluruh dunia.

OBJEKTIF JABATAN SEJARAH

- Melahirkan graduan sejarah yang cemerlang, bermutu dan berwibawa, di samping menjayakan matlamat negara dalam bidang sejarah.
- Melahirkan graduan sejarah yang mempunyai ciri-ciri daya saing dalam menghadapi cabaran semasa.
- Melahirkan graduan yang mempunyai perasaan kecintaan kepada negara.
- Melahirkan modal insan yang berfikiran kritis dan kreatif.
- Membolehkan graduan sejarah mengaitkan ilmu sejarah dalam pekerjaan di sektor awam dan swasta yang memerlukan kemahiran penyelidikan dan penganalisan.
- Membolehkan graduan sejarah mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah dan menjadi asas perkiraan dalam menghadapi permasalahan semasa.